



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAWATAN KERJA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KE NEGERI  
SARAWAK, 10 JULAI – 11 JULAI, 2020**

---

**10 Julai 2020, Kuching** – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah **mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg** pada pagi ini sempena sesi lawatan kerja Kementerian Perpaduan Negara ke Sarawak pada 10 Julai hingga 11 Julai 2020. Kunjungan hormat turut disertai oleh YB Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak, YB Dato Sri Hajah Fatimah serta pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara.

2. YB Menteri Perpaduan Negara turut **mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas** sejurus selepas kunjungan hormat kepada YAB Ketua Menteri Sarawak. Beliau telah diberikan penerangan mengenai peranan *Unit for Other Religions* (UNIFOR) dalam mempromosikan keharmonian antara agama di samping menilai, mencadang dan menggubal dasar, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan agama lain di Sarawak.
  
3. Semasa sesi perjumpaan tersebut, YB Menteri Perpaduan telah **menyerahkan dua “mock cheque” jentera Perpaduan** kepada YB Dato Sri Hajah Fatimah selaku Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak seperti berikut:

- i. Geran Kawasan Rukun Negara (KRT) untuk negeri Sarawak berjumlah **RM3,615,800.00**. Ini adalah merupakan pemberian geran Fasa 2, menjadikan jumlah keseluruhan geran KRT bagi tahun 2020 kepada negeri Sarawak berjumlah **RM4,643,000.00**. Jumlah ini adalah merupakan kenaikan sebanyak 12.5% daripada jumlah geran KRT yang diterima oleh negeri Sarawak pada tahun 2019.
- ii. Peruntukan operasi pasca COVID-19 **sebanyak RM459,966.00** kepada **Skim Rondaan Sukarela (SRS)**, Taska Genius Perpaduan (TGP) dan Tabika Perpaduan (TP). Peruntukan ini akan digunakan oleh jentera Perpaduan Sarawak di dalam penyediaan dan operasi fungsi masing-masing selepas dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
4. Berikut adalah maklumat jentera Kementerian Perpaduan Negara di Negeri Sarawak mengikut bahagian dan daerah:

Bil	Bahagian/Daerah	KRT	SRS	TP	TGP
1	Kuching	224	111	43	1
2	Samarahan	86	42	5	
3	Serian	22	17	2	
4	Betong	98	65	6	1
5	Sri Aman	56	34	9	
6	Mukah	77	37	5	
7	Sarikei	88	41	10	1
8	Sibu	94	36	15	
9	Bintulu	54	44	16	
10	Kapit	40	13	8	
11	Miri	95	57	36	1
12	Limbang	57	21	10	
13	Lawas	58	29	7	
<b>Jumlah</b>		<b>1049</b>	<b>547</b>	<b>172</b>	<b>4</b>

5. Kerajaan Negeri Sarawak melalui UNIFOR telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan rumah ibadat bukan Islam di negeri Sarawak.

6. Pada sesi lawatan kerja ini, YB Menteri Perpaduan Negara akan melawat jentera Perpaduan Sarawak seperti berikut:

Bil	Tarikh	Masa	Maklumat Lawatan
1.	10 Julai 2020, Jumaat	3.00 petang	Lawatan Taska Genius Perpaduan, Pejabat Persekutuan Sarawak
2.	10 Julai 2020, Jumaat	4.00 petang	Lawatan ke Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee
3.	10 Julai 2020, Jumaat	9.00 malam	Program Semarak Perpaduan Perkasa Komuniti bersama KRT
4.	11 Julai 2020, Sabtu	9.30 pagi	Wawancara Khas Sarawak FM
5.	11 Julai 2020, Sabtu	10.40 pagi	Lawatan ke Tabika Perpaduan Datuk/Muhibbah Seroja
6.	11 Julai 2020, Sabtu	11.30 pagi	Lawatan ke Pusat Rukun Tetangga & Tabika Perpaduan RPR Batu Kawa

7. Program kali ini adalah merupakan sesi lawatan pertama YB Menteri Perpaduan Negara ke negeri Sarawak sejak penubuhan Kementerian pada 10 Mac 2020.

## Kementerian Perpaduan Negara

10 Julai 2020

**-TAMAT-**

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041 Fax +603 8888 8568 / 569

Fax +603 8888 8568 / 569 E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (15)